

## Graduan wanita perlu nilai penampilan, personaliti diri

BST 14/10/09 m/s T3 -

KUALA TERENGGANU - Permintaan dalam pasaran kerja semakin meningkat dalam kalangan graduan setiap tahun dan persaingan sengit sentiasa dihadapi graduan wanita untuk berkhidmat dalam semua sektor di negara ini.

Ketua Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Ahmad Munir Mohd Salleh berkata, jumlah graduan wanita yang mengintai peluang pekerjaan di syarikat dan di sektor awam semakin meningkat setiap tahun.

"Graduan wanita mempunyai cabaran yang besar dalam dunia pekerjaan dan mereka harus bijak memahami situasi berlaku dengan



● DR AHMAD MUNIR MOHD SALLEH

menunjukkan keupayaan mereka supaya setanding lelaki.

"Kebanyakan majikan di syarikat besar lebih suka menguji tahap keupayaan wanita dengan memberikan tanggungjawab yang besar dalam sesuatu projek bagi menilai prestasi mereka," katanya.

Justeru, menurutnya, perkara paling penting kepada bakal graduan wanita adalah menilai penampilan, personaliti diri dan sikap dengan kesesuaian jawatan diinginkan.

